



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
Kebankrapan (Pindaan) 1988
DR.8/1988

D.R. 8/88

Naskhah Sahih—Bahasa Inggeris

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Kebankrapan 1967.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kebankrapan (Pindaan) 1988. Tajuk ringkas.

2. Seksyen 104 Akta Kebankrapan 1967 adalah dipinda— Pindaan seksyen 104.
Akta 55/67.

(a) dengan memasukkan selepas sahaja perkataan-perkataan “the Republic of Singapore” dalam subseksyen (1) dan (2) perkataan-perkataan “or any designated country”;

(b) dengan memasukkan selepas sahaja subseksyen (2) subseksyen baru (2A) yang berikut:

“(2A) In exercising its discretion under subsection (2), the High Court shall have regard to the rules of private international law.”;

- (c) dengan memasukkan selepas sahaja subseksyen (6) subseksyen baru (7) yang berikut:

“(7) In this section “designated country” means any country designated for the purposes of this section by the Yang di-Pertuan Agong by notification in the *Gazette*.”; dan

- (d) dengan memasukkan selepas sahaja perkataan “Singapore” dalam nota birai perkataan-perkataan “and designated countries”.

HURAIAN

Subseksyen (1) seksyen 104 Akta Kebankrapan 1967 menghendaki Mahkamah Tinggi dan pegawai-pegawainya, dalam segala perkara kebangkrapan dan ketaksolvenan, supaya bertindak membantu, dan menjadi pembantu kepada, mahkamah-mahkamah Republik Singapura yang mempunyai bidang kuasa dalam kebangkrapan dan ketaksolvenan selagi undang-undang negara itu menghendaki mahkamah-mahkamahanya supaya bertindak membantu, dan menjadi pembantu kepada, mahkamah-mahkamah di Persekutuan. Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda seksyen itu untuk membolehkan dibentuk perkiraan bersaling yang serupa dengan negara-negara lain yang ditetapkan oleh Yang di-Pertuan Agong.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1441.]